

# Masalah Sosial Belia India: Punca dan Penyelesaian

Boleh dikatakan bahawa punca-punca keruntuhan akhlak yang utama adalah kemerosotan dari segi asuhan, didikan, bimbingan serta kawalan oleh ibu bapa atau penjaga. Selain itu, tekanan hidup, sikap mengejar kemewahan serta penglibatan dalam aktiviti sosial lain menyebabkan ibu bapa dan anak kurang mempunyai masa atau kesempatan untuk bercakap, berbincang dan berdamping antara satu sama lain.

Oleh UTHAYA SANKAR SB & RAMAN VISUALINGOM

**K**EBELAKANGAN ini terlalu banyak di-perkatakan isu berkaitan masalah sosial yang melibatkan remaja dan belia; khususnya kaum India. Pelbagai andaian, hujah, cadangan, program dan aktiviti bagi menangani masalah sosial ini diutarakan. Perlakuan sosial yang negatif dalam bentuk devian sosial tidak seharusnya merupakan satu petunjuk ke atas kelemahan masyarakat India untuk membudayakan pembangunan secara positif yang berteraskan prinsip dan nilai-nilai murni kemanusiaan.

## Pengertian Masalah Sosial

Secara umumnya masalah sosial merangkumi pelbagai perlakuan negatif anggota masyarakat yang tidak membawa sokongan dan keuntungan kepada kekuatan sistem dan struktur ekonomi yang diamalkan dalam sesuatu masyarakat ataupun negara.

Secara perundangan tidak terdapat definisi yang khusus bagi mengkategorikan remaja. Akta Pekerjaan Kanak-Kanak dan Orang Muda 1996 mentakrifkan seorang kanak-kanak adalah mereka yang berada dalam lingkungan umur 10 hingga 14 tahun. Dalam Akta Pengangkatan 1952, kanak-kanak didefinisikan mereka yang berumur 21 tahun ke bawah. Walaupun setiap akta ini tidak menjelaskan peringkat umur tertentu, secara umumnya dalam membicarakan masalah remaja, golongan remaja yang perlu ditumpukan adalah yang berumur di bawah 21 tahun dan sebahagian besar daripada mereka masih dalam alam persekolahan.

## Statistik Gejala Sosial Remaja

Di Malaysia, remaja merangkumi lebih daripada separuh keseluruhan penduduk. Oleh sebab bilangannya yang ramai, maka masalah

yang berkaitan dengan kelompok ini juga banyak.

Perlu diingat bahawa gejala sosial ini bukanlah sesuatu yang baru tetapi telah diperhatikan dan cuba ditangani sejak beberapa dekad lalu.

Data dan statistik banyak menunjukkan keruntuhan akhlak di kalangan remaja di negara ini semakin serius. Mengikut perangkaan pihak berkuasa jenayah Bukit Aman, antara tahun 1990 dan 1992 sahaja, seramai 37,602 individu ditahan bagi kesalahan jenayah harta benda serta kekerasan. Daripada jumlah ini, seramai 3450 atau 9.17% adalah remaja dan kalangan remaja yang diberkas pula, kesalahan yang dilakukan boleh dibahagikan kepada jenayah kekerasan dan harta benda.

Perangkaan polis menunjukkan, antara kes jenayah yang selalu dilakukan oleh remaja adalah pecah rumah, rusuhan, pergaduhan sesama mereka, salah guna dadah, mencuri basikal atau motosikal.

Jenayah yang dilakukan bukan hanya berlaku di kawasan bandar raya atau bandar-bandar besar malah di merata tempat di seluruh pelosok negara. Sebagai contoh, di Kedah sahaja, sebanyak 307 kes jenayah berlaku sepanjang tahun 1991. Daripada jumlah itu, 73 kes membabitkan pelajar sekolah. Mengikut pembahagian kaum, seramai 204 kes melibatkan kaum Melayu, 54 remaja Cina dan 47 adalah remaja kaum India.

Berdasarkan statistik, kes melibatkan remaja jelas meningkat antara tahun 1990 dan 1992. Pada tahun 1990, sebanyak 657 kes dicatatkan, diikuti 830 kes pada tahun 1991 dan 1,487 kes pada tahun 1992.

Satu lagi kesalahan yang melibatkan remaja adalah lari atau hilang dari rumah. Pada tahun 1990, terdapat 1,578 kes, 1991 (1,981 kes), 1992 (2,221 kes) dan 1993 (1,485 kes).




RAJINIKANTH, menjadi idola kaum lelaki.

Dari segi jenayah melibatkan bahan berbahaya seperti dadah psikoaktif, antara tahun 1990 dan 1992, daripada jumlah 22,912 penagih dadah yang ditahan, 2,856 orang (12.46%) adalah remaja.

Statistik seterusnya adalah bersabit kesalahan akhlak yang amat serius dari kaca mata masyarakat Malaysia, iaitu perbuatan maksiat di kalangan remaja. Menurut kenyataan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, bilangan remaja yang rosak akhlak masih tinggi. Pada tahun 1988, sebanyak 3978 kes dicatatkan, 4,111 kes pada tahun 1989, 3765 kes pada tahun 1990 dan sebanyak 2,658 kes sehingga bulan Oktober 1991.

Satu lagi tabiat remaja yang menampakkan potensi untuk menjadi gejala yang sukar dibendung adalah kegemaran mereka membazir masa. Istilah popular digunakan kini adalah budaya lepak. Kajian di dua buah rumah pangsa di Kuala Lumpur mendapati sebanyak 90% remaja kaum Cina terus pulang ke



BUDAYA persekitaran mempengaruhi perlakuan dan pemikiran golongan belia dan remaja.

rumah selepas sekolah, sebanyak 72% remaja kaum India berbuat demikian dan hanya 5.8% remaja kaum Melayu pulang ke rumah selepas sekolah.

Semua perangkaan dan statistik ini menunjukkan bahawa masalah sosial di kalangan belia dan remaja tidak hanya tertumpu pada kaum tertentu. Namun, makalah ini seterusnya akan melihat khusus pada belia kaum India.

#### Punca Keruntuhan Akhlak

Daripada data dan statistik yang dibekalkan, terbukti keruntuhan akhlak di kalangan remaja masih pada tahap yang tinggi. Keruntuhan akhlak ini dapat dilihat dari pelbagai sudut. Antara punca yang dikenal pasti menjadi punca keruntuhan akhlak di kalangan remaja dan belia kaum India adalah seperti berikut:

#### 1. Penglibatan dalam Jenayah

Salah satu faktor yang dikaitkan dengan keruntuhan akhlak remaja adalah penglibatan dalam jenayah. Remaja yang terlibat dalam jenayah bukan sahaja datang daripada keluarga yang miskin tetapi juga keluarga berada, malah segelintir daripada mereka berasal daripada keluarga yang mempunyai latar belakang yang baik.

Justeru, boleh dikatakan bahawa punca-

punca keruntuhan akhlak yang utama adalah kemerosotan dari segi asuhan, didikan, bimbingan serta kawalan oleh ibu bapa atau penjaga. Selain itu, tekanan hidup, sikap mengejar kemewahan serta penglibatan dalam aktiviti sosial lain menyebabkan ibu bapa dan anak kurang mempunyai masa atau kesempatan untuk bercakap, berbincang, berdamping antara satu sama lain. Malah ada yang jarang bersua muka. Keadaan ini menyebabkan remaja kaum India membawa cara hidup sendiri tanpa panduan dan pengawasan ibu bapa.

Keluarga yang terlalu mewah cara hidupnya juga menyebabkan keruntuhan disiplin remaja. Sebagai contoh, ibu bapa yang terlalu memanjakan anak-anak kerap memberikan wang saku yang terlalu banyak. Perbuatan ini menyebabkan mereka mudah dipengaruhi oleh remaja lain yang bersuka-suka. Kesan pergaulan bebas dan terpengaruh dengan rakan-rakan sebaya yang rosak akhlak akan memburukkan lagi keadaan. Juga sikap ibu bapa yang tidak mengambil berat tentang kelakuan dan pergaulan anak remaja mendorong kepada kerosakan akhlak. Remaja yang terlalu awal terdedah kepada alam masyarakat yang mempunyai sikap yang kompleks tanpa bimbingan mencukupi daripada ibu bapa juga merupakan salah satu faktor keruntuhan akhlak.

Antara punca-punca lain keruntuhan akhlak

yang berkaitan dengan hubungan kekeluargaan adalah alam rumah tangga yang tidak teratur, perpisahan ibu bapa, pertengkaran yang kerap berlaku dalam keluarga, keadaan sosioekonomi yang sempit, suasana rumah tangga yang tidak harmonis dan tenteram serta tidak keupayaan pihak penjaga mengawasi pendidikan anak-anaknya boleh juga membawa kepada kancah keruntuhan moral.

Justeru, sebagai ibu bapa dan anggota masyarakat yang bertanggungjawab, kaum India seharusnya menjalankan kewajipan dengan merancang aktiviti, mengenal pasti masalah anak, memberi nasihat, pedoman, memberikan kemudahan-kemudahan serta mengawal selia anak sepanjang masa.

#### 2. Persekitaran dan Media Massa

Pengaruh persekitaran, luaran dan media massa juga sentiasa membentuk perilaku para remaja yang masih mentah dalam menghadapi cabaran hidup. Pelbagai dorongan yang kurang sihat dipaparkan melalui persekitaran ini yang seterusnya menyebabkan mereka terikut-ikut dengan pengaruh ini. Lantaran itu untuk memenuhi keinginan ini, mereka merayau-rayau di pusat-pusat membeli-belah, pusat permainan video dan secara tidak langsung terlibat dalam pergaulan bebas.

Tidak dapat tidak, filem Tamil terus menjadi salah satu punca keruntuhan moral di kalangan remaja kaum India. Memang sering dikatakan bahawa penonton perlu membezakan realiti dan apa yang ditayangkan di layar perak.

Namun, secara realiti juga, golongan remaja terbukti terikut-ikut dengan apa yang dipaparkan dalam filem. Akhir-akhir ini, filem-filem Tamil tepu dengan unsur ganas, seks dan aksi yang kurang bermoral. Hero filem Tamil sering dipaparkan sebagai individu yang terlibat dalam kegiatan samseng dan pelbagai aktiviti yang bertentangan dengan nilai sosial masyarakat.

Merokok juga merupakan satu lagi aksi yang mudah dipelajari oleh remaja kaum India daripada hero filem Tamil. Rajinikanth, misalnya, tidak pernah tidak merokok dengan penuh gaya dalam hampir kesemua filem lakonannya.

Laporan akhbar mengatakan bahawa isteri kepada Rajinikanth telah menyelar pihak media kerana gagal mengawal tabiat merokok di kalangan remaja di Tamil Nadu, India. Lalu, wakil media dengan tegas mengatakan bahawa adalah sukar bagi pihak media membendung gejala itu sedangkan Rajinikanth yang menjadi idola remaja terus merokok di layar perak.

Maka, dalam perkembangan terkini, Rajinikanth telah mengeluarkan kenyataan bahawa dalam filem-filem akan datang (jika ada!), dia tidak akan merokok. Harapan penulis adalah bahawa pelakon-pelakon lain juga akan mengambil keputusan yang sama.

Di Malaysia pula, Suhan Panshacharam (Pansha) perlu dipuji kerana beliau sentiasa memastikan watak-watak dalam filem dan drama yang beliau hasilkan (Melayu mahupun Tamil), tidak merokok.

Budaya remaja yang dipaparkan dalam filem-filem Tamil juga sangat tidak sesuai dengan budaya kita. Sebuah filem Tamil berjudul *Boys* memaparkan dialog dan perlakuan remaja yang keterlaluan. Filem berkenaan telah diharamkan di India. Penulis hairan bagaimana filem itu ditayangkan di Malaysia sedangkan mesej, kandungan, dialog dan visual filem itu terbukti jauh lebih membinasakan berbanding filem *Bruce Almighty*.

### 5. Sekolah

Pengaruh di sekolah juga penting dalam pembentukan akhlak remaja. Tekanan yang dihadapi pelajar semasa di sekolah kerana tumpuan terpaksa diberikan dalam akademik serta guru yang kurang profesional dalam menangani masalah pelajar yang bermasalah akhirnya menyebabkan pelajar mengambil jalan mudah untuk keluar daripada masalah itu terlibat dengan kegiatan-kegiatan yang kurang sihat. Situasi ini didorong oleh kurang perhatian daripada ibu bapa di rumah.

Budaya gengsterisme yang semakin menular di sekolah membuktikan hakikat ini. Tidak dapat dinafikan, remaja kaum India paling ramai terlibat dalam kegiatan tidak bermoral ini.

Hadir bersama-sama budaya gengsterisme adalah antaranya budaya ponteng sekolah, kaki pukul, peras-ugut, melawan guru, vandalisme, merokok, budaya samseng, kelucuan secara lisan mahu pun perbuatan, kelakuan sumbang, gangguan seksual, hubungan seksual, penagihan dadah dan merogol.

Kalau diteliti, kesemua perbuatan tidak bermoral ini saling berkaitan. Kelompok remaja dan pelajar yang terlibat dalam gengsterisme ini pula sering melatih pelajar-pelajar baru untuk menyertai 'kumpulan' mereka. Pelajar-pelajar baru pula sama ada akan menyertai kumpulan berkenaan atau menjadi mangsa gengsterisme.

Selalu pula wujud beberapa kumpulan samseng di sekolah dan kawasan perumahan. Maka wujudlah perebutan kuasa dan pengaruh. Semuanya tidak ubah seperti filem Tamil!

### Cara-cara Mengatasi

Perbincangan mengenai keruntuhan akhlak remaja adalah berkisar isu pelajar dan remaja. Justeru, strategi mengatasi masalah seharusnya ditumpukan pada golongan remaja ini. Berikut beberapa saranan yang bukan hanya sesuai bagi remaja kaum India tetapi sesuai bagi semua remaja.

#### 1. Ibu Bapa

Peranan ibu bapa adalah amat penting

dalam memberikan perhatian yang serius terhadap anak-anak mereka. Ibu bapa mestilah memerhatikan setiap gerak-geri atau pergerakan anak-anak mereka. Ibu bapa hendaklah sentiasa mengetahui dan mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh anak mereka serta sanggup meluangkan masa untuk mengatasi masalah tersebut.

Ibu bapa juga seharusnya mengetahui rakan-rakan anak mereka dan sentiasa memastikan anak-anak mereka berkawan dan bergaul dengan mereka yang mempunyai kedudukan moral yang baik. Selain itu ibu bapa hendaklah menghabiskan sebahagian daripada masa seharian bersama anak-anak mereka dengan memberikan keyakinan, keberanian, mewujudkan sikap positif terhadap masalah, emosi dan keputusan.

Selain itu tingkatkan penghayatan anak-anak terhadap agama, nilai-nilai murni, motivasi, melatih anak cara bersopan, prinsip-prinsip akauntabiliti, tepati janji, berketerampilan, menunjukkan keperibadian yang mulia, amanah, sanggup menerima kelemahan diri serta meneroka potensi anak. Ibu bapa hendaklah menjadi *role model* kepada anak.

#### 2. Pendekatan Akademik

Ini boleh dilakukan dengan menambahkan aktiviti-aktiviti berteraskan akademik dan separa akademik seperti kegiatan kokurikulum di sekolah. Begitu juga dengan perubahan teknik-teknik pengajaran seperti penggunaan komputer, video, bantuan alat pandang dengar dan teknik pengajaran luar kelas.

#### 3. Sistem Perundangan Sekolah

Mewujudkan sistem perundangan di sekolah amat penting kerana peruntukan undang-undang di peringkat sekolah boleh menimbulkan rasa takut di kalangan pelajar sekolah, di samping mengurangkan beban dan tanggungjawab pihak sekolah dan pihak ibu bapa dalam pengawasan disiplin.

#### 4. Penguatkuasaan Undang-undang

Penguatkuasaan undang-undang ini kuasa pihak berkuasa seperti polis. Bidang kuasa polis yang sedia ada perlu digunakan oleh pihak pentadbir sekolah dalam mendisiplinkan pelajar-pelajar. Pihak pentadbir hendaklah mengambil kesempatan dengan merujuk masalah pelajar ini kepada pihak polis. Pengetua tidak harus cuba menyembunyikan kes-kes salah laku di kalangan pelajar semata-mata kerana tidak mahu pihak polis datang ke sekolah.

Pihak pentadbir perlu sedar bahawa pihak polis sedia menghulur bantuan sekiranya diminta. Kehadiran polis di perkarangan sekolah tidak harus dilihat sebagai 'mencemar' nama baik sekolah. Sebaliknya, membuktikan komitmen pihak sekolah dalam mengawal masalah disiplin pelajar.

#### 5. Kaunseling

Langkah-langkah pencegahan yang bersesuaian hendaklah diadakan seperti kaunseling di peringkat sekolah. Kaunseling di peringkat sekolah adalah penting dalam membantu remaja mengatasi masalah mereka. Program ini akan lebih bermakna sekiranya kaunselor-kaunselor yang berkelayakan dan berpengalaman dilantik dalam memantapkan pelaksanaan dan keberkesanan kaunseling tersebut.

#### 6. PIBG

Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) perlu memainkan peranan yang penting. Pertemuan yang lebih kerap antara ibu bapa, penjaga dan guru perlu diadakan khasnya bagi pelajar-pelajar yang bermasalah. Ibu bapa seharusnya menerima teguran daripada guru dengan sikap terbuka dan positif.


Pertemuan tidak harus diadakan hanya setahun sekali semasa mesyuarat PIBG. Sebaliknya semua pihak yang terlibat dalam PIBG perlu mengusahakan pertemuan yang lebih kerap; serta melibatkan pelajar terbabit dalam diskusi yang diadakan.

Perhatian yang diberi oleh pihak ibu bapa dan guru akan menjadi penawar kepada pelajar sama ada yang terlibat dalam masalah sosial atau yang menjadi mangsa masalah sosial.

#### Kesimpulan

Ternyata masalah sosial dan gengsterisme yang hebat diperkatakan pada masa kini tidak tertumpu kaum tertentu. Sebaliknya, ia merupakan masalah nasional. Belia hari ini adalah pemimpin masa depan. Kenyataan ini mungkin kedengaran agak ekstrem, tetapi jika tidak dibendung, tidak mustahil negara akan dipimpin golongan gengster suatu hari nanti.

Pelbagai langkah boleh diambil dan dilaksanakan bagi menangani masalah yang wujud kini, tetapi apa yang lebih penting: ibu bapa mestilah memainkan peranan dan tanggungjawab dalam mengatasi masalah keruntuhan akhlak di kalangan remaja. Dengan kata lain, walau apa pun langkah yang diambil oleh mana-mana pihak, tanpa kerjasama daripada ibu bapa, nescaya gejala ini sukar diatasi.

Maka, semuanya berbalik pada didikan dan kasih sayang ibu bapa. 

Uthaya Sankar SB merupakan pensyarah bebas dan Presiden Kavyan (Yayasan Sasterawan Kaum India Malaysia) manakala Raman Visualingom pula Timbalan Presiden Kavyan dan Ketua Inspektor Polis Kontigen Bukit Aman. Mereka boleh dihubungi di [uthayasb@kavyan.cjb.net](mailto:uthayasb@kavyan.cjb.net) dan [raman@kavyan.cjb.net](mailto:raman@kavyan.cjb.net)